

Penggunaan Internet dan Persepsi Politik Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia
(*Internet Use and Political Perceptions of Universiti Kebangsaan Malaysia Students*)

JUNAIDI AWANG BESAR, MOHD FUAD MAT JALI, NOVEL LYNDON & MAZLAN ALI

ABSTRAK

Mahasiswa merujuk kepada kumpulan pelajar yang berada di peringkat tertinggi dalam sistem pendidikan yang formal di sesebuah negara. Mereka berumur dalam lingkungan 18 hingga 23 tahun dan merupakan penuntut di peringkat Ijazah Sarjanamuda. Mereka merupakan generasi yang akan mewarisi seterusnya memimpin negara dan menjadi tonggak kepada perpaduan dan hala tuju negara pada masa akan datang seterusnya dihormati oleh masyarakat kerana ketinggian tahap pelajaran dan dapat memikirkan masa depan kemajuan masyarakat. Pemikiran mereka yang kritis terhadap perkembangan isu semasa dipengaruhi oleh pendedahan maklumat sejak di universiti lagi, ditambah pula dengan sumber maklumat yang pelbagai sama ada melalui lisan, bercetak mahupun melalui atas talian yang tidak terbatas. Justeru, adalah menjadi tujuan artikel ini untuk meneliti penggunaan internet dan persepsi politik mahasiswa di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Kajian ini dilakukan dengan menggunakan borang kaji selidik terhadap 300 orang responden yang merupakan pelajar UKM di samping rujukan maklumat sekunder daripada buku-buku ilmiah, jurnal, laporan, laman web/sesawang, blog dan majalah. Dapatan kajian menunjukkan pengaruh internet dan media sosial memainkan peranan penting dalam mempengaruhi perlakuan politik para mahasiswa. Mereka juga kritis terhadap isu semasa tetapi masih merupakan kumpulan intelek yang menyokong pentadbiran universiti dan kerajaan. Namun demikian, kerajaan perlu mendengar dan mengambil kira pandangan mereka dalam usaha memajukan masyarakat dan negara.

Kata kunci: Mahasiswa, pemikiran, internet, persepsi, politik

ABSTRACT

University students refer to the group of students which were at the highest level in the formal education system in a country. They were aged between 18 to 23 years and was a student in the Bachelor degree. They are the next generation that will be inherited the country and the pillar of the country's unity vision in the future which will be respected by the community because of the highest level of education and be able to think about the future progress of society. Their thinking were criticize to the development of current issues affected by the disclosure of information from the university, coupled with a variety of information sources either through oral, printed or through online which unlimited. Hence, it is the purpose of this article for study the use of the internet and political perceptions students at Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). This study was performed using the questionnaire to 300 respondents who were students of UKM and secondary reference information from scientific books, journals, reports, websites, blogs and magazines. The results showed the influence of the internet and social media plays an important role in influencing the political behavior of the students. They were also criticize for the current issue but still an intellectual group that pro-establishment to the university administration and government. However, the government should be listen and take actions of their views in an effort to advance community and country.

Keywords: Student, thinking, internet, perception, political

PENDAHULUAN

Mahasiswa merupakan golongan yang sangat penting kepada pembangunan dan kejayaan sesebuah negara. Golongan ini juga dikatakan sebagai pewaris kepada kepimpinan yang akan mencorakkan hala tuju dan jatuh bangunnya sesebuah negara. Justeru, penglibatan mahasiswa dalam politik khususnya di universiti merupakan satu tapak pertama bagi mereka menimba pengetahuan sebelum melangkah ke dunia politik yang sebenarnya. Penglibatan golongan mahasiswa dalam politik dan proses pilihan raya sama ada sebagai pekerja dan penyokong parti politik yang bertanding atau pengundi mampu mempengaruhi senario politik negara. Penglibatan mereka dalam politik mampu mempengaruhi seterusnya menentukan pelbagai perkara termasuk dasar dan keputusan pilihan raya negara. Mereka yang terlibat dalam proses pilihan raya mempunyai persepsi yang tersendiri terhadap kerajaan yang memerintah dan juga menggunakan hak mereka sebagai pengundi untuk memilih wakil rakyat bukan semata-mata berdasarkan kepada maklumat dari media arus perdana tetapi mendapat maklumat tersebut dari sumber-sumber alternatif seperti internet, sistem pesanan ringkas (SMS) dan juga kajian-kajian ilmiah yang dibuat oleh pelbagai pihak. Aplikasi teknologi maklumat melalui internet, media sosial dan SMS dimanfaatkan sepenuhnya oleh mereka sebagai medium untuk memperkasakan pengetahuan dan pemikiran dari semasa ke semasa. Sifat interaktif yang wujud dalam media alternatif ini memberi peluang dalam menyumbang maklumat terhadap rangkaian global. Terkini, pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) pada tahun 2012 membolehkan mereka menceburi politik seterusnya dibenarkan bertanding dalam pilihan raya di peringkat nasional. Justeru, adalah menjadi tujuan artikel ini untuk mengkaji sumber maklumat dan pendapat politik mahasiswa di IPTA terpilih iaitu UKM.

METODOLOGI PENYELIDIKAN

Kajian soal selidik lapangan dijalankan di UKM dengan 300 responden dipilih yang berumur 21 tahun dan ke atas iaitu umur layak mengundi. Satu set soal selidik telah digunakan untuk mendapatkan data primer. Responden dipilih untuk disoal selidik adalah bertujuan bagi memperoleh pendapat mereka terhadap latarbelakang demografi, sumber maklumat politik, dan pendapat politik. Data dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis melalui perisian statistik berkomputer iaitu *Statistical Package Social Science* (SPSS) untuk

melihat data analisis deskriptif frekuensi (peratusan).

KAWASAN KAJIAN

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pula tertubuh hasil cetusan pertama gagasan betapa perlunya pendidikan tinggi untuk orang Melayu berlaku dalam Mesyuarat Majlis Raja-raja pada 1903. Zainal Abidin Ahmad (Za'ba) iaitu seorang cendekiawan, menulis berkenaan gagasan tersebut dalam akhbar Lembaga Melayu pada 1917. Gerakan pemikiran, perdebatan serta tekad golongan cendekiawan Melayu untuk menubuhkan sebuah universiti dan menggunakan bahasa Melayu, bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar di institusi pengajian tinggi bermula pada 1923 apabila Abdul Kadir Adabi, seorang lagi cendekiawan Melayu mengemukakan memorandum gagasan tersebut kepada DYMM Sultan Kelantan. Mulai 1957 hingga 1967, perjuangan untuk penubuhan universiti kebangsaan menjadi semakin bersemarak sebagai memenuhi tuntutan dan semangat kemerdekaan bangsa dan negara. Sehubungan itu, pada 1968 cendekiawan Melayu telah membentuk sebuah jawatankuasa penaja yang berperanan merancang penubuhan sebuah universiti kebangsaan.

Perjuangan yang tidak pernah luput tersebut mencapai kejayaan dengan penubuhan UKM pada 18 Mei 1970 yang memulakan operasi pertamanya di Lembah Pantai, Kuala Lumpur. Kumpulan pertama pelajar prasiswazah seramai 192 orang dan dua (2) orang pascasiswazah mula mendaftar di tiga buah fakulti iaitu Fakulti Sains, Fakulti Sastera dan Fakulti Pengajian Islam. Universiti ini terus berkembang pesat sebagai sebuah institusi pengajian tinggi awam terkehadapan yang kini mempunyai tiga belas (13) fakulti dan enam belas (16) pusat/institut kecemerlangan penyelidikan. UKM Bangi memulakan operasinya pada tahun 1977 dengan keluasan 1096.26 hektar. UKM juga mempunyai entiti yang beroperasi secara komersil, iaitu UKM Holdings Sdn. Bhd. dan UKM *Technology* Sdn. Bhd. sebagai satu pendekatan dalam mengkomersilkan dan memasyarakatkan kepakaran yang dimiliki di samping menjana kewangan universiti. Sepanjang 42 tahun penubuhannya, UKM telah menghasilkan 146,362 orang graduan dengan statistik pelajar luar negara seramai 2937 orang daripada 42 buah negara seluruh dunia. Kini, UKM tampil dengan citra baru melalui garis tanda "Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan". Garis tanda ini memberi keyakinan kepada warganya untuk mengembangkan bakat yang dimiliki, tempat memupuk kebolehan, labuhan untuk berkarya dan berjaya dalam karya tersebut, kerana di sini

mereka disediakan dengan prasarana untuk memiliki masa depan yang gemilang.

SOROTAN LITERATUR

Sehingga kini, tidak terdapat kajian yang berkaitan dengan politik belia IPTA secara terfokus. Namun terdapat beberapa kajian yang berkaitan dengan persepsi dan tingkahlaku belia serta pelajar dalam politik. Generasi muda telah dipengaruhi oleh unsur-unsur materialistik dan tidak berpegang kepada nilai-nilai yang baik. Ini adalah satu kemusnahan sosiobudaya masyarakat kita dan juga di kalangan pelajar/mahasiswa yang dianggap sebagai pewaris kepimpinan masa depan (Mohamad, 1973; Junaidi, 1993; Ng, 2003). Fenomena kebangkitan Islam mendorong mahasiswa bergiat aktif dalam politik kampus. Kegiatan ini hampir menyamai dengan keadaan sebenar di luar kampus atau mirip kepada sesebuah parti politik (Mohd Shuhaimi, 1995; Riduan 2007 & 2012). Pelajar aktif dalam aktiviti kokurikulum namun mereka bimbang terhadap suasana kehidupan kampus dan masalah masyarakat persekitarannya. Penyertaan dalam pilihan raya kampus berfungsi sebagai pengalaman yang bermanfaat bagi persediaan pelajar untuk hidup sebagai warganegara dewasa yang matang (Mohd Fuad et al., 2005; Ramirez et al., 2010; Ruitenberget al., 2010).

Pelajar berperanan penting dalam memberi idea dalam pembangunan negara dan berperanan dalam menentukan struktur politik negara (Saha & Print, 2010). Aktivisme pelajar memberi sumbangan penting kepada perjuangan untuk menuntut demokrasi di Zimbabwe dan dibimbangi oleh pemerintah di negara tersebut (Zeilig, 2008). Personaliti pelajar mempengaruhi aspek tingkah laku politik mereka seterusnya memberi kesan kepada senario politik di sesebuah negara (Baranowski & Weir, 2010). Pengenalan format televisyen bukan berita seperti ceramah TV dan rancangan realiti boleh menjadi sumber penting dalam wacana politik dan penglibatan politik di kalangan pelajar (Mondak & Halperin, 2008).

Pelajar perubatan di Amerika Syarikat lebih cenderung untuk bersikap liberal dalam politik berbanding orang dewasa kerana mereka berfikir subjektif dan rasional dalam menilai sesuatu isu politik (Frank et al., 2007; Dunsmore & Lagos, 2008). Di Bangladesh, kegiatan politik pelajar mempunyai kesan serius ke atas pengurusan institusi, sistem pendidikan, pembangunan negara dan perniagaan negara (Alam, 2003; Alam et al., 2011). Di Korea Selatan, pelajar yang radikal berkecenderungan untuk menyertai aktiviti protes seterusnya mempengaruhi keputusan

kerajaan dalam menentukan sesuatu polisi negara (Aie, 1997). Faktor latar belakang sosial memainkan peranan penting dalam menentukan jumlah aktivisme politik pelajar dan dikritik oleh orang awam dan oleh pelajar sendiri kerana faktor tersebut menyumbang kepada ideologi revolusioner dan beberapa episod keganasan (Zaman et al., 2010). Selain itu, pelajar bukan sahaja dapat mengubah tingkah laku politik kampus tetapi juga mampu menumbangkan kerajaan (Altbach, 1968; Azizan, 1995; Mohd. Shuhaimi, 1995).

Kesedaran dan perlakuan politik dalam kalangan mahasiswa di 11 IPT (UKM, UM, UPM, UiTM, UIA, USM, UTM, UPSI UUM, UMS dan UNIMAS) telah dilakukan oleh Mohd Fuad et al. (2005 & 2009). Beliau mendapati bahawa tahap minat politik dalam kalangan belia IPT adalah rendah dan hanya 27.2 peratus yang mendaftar sebagai pengundi. Mereka lebih kerap menghadiri ceramah politik di luar kampus yang berhaluan kiri. Mereka juga mempunyai aspirasi mahukan kerajaan lebih prihatin terhadap kebajikan mereka, mewujudkan lebih banyak pekerjaan, memberikan lebih kebebasan bersuara dan membasmi gejala rasuah. Pada hakikatnya, belia IPT mempunyai tiga permintaan asas, iaitu mereka mahukan suara mereka didengar, peranan mereka diiktiraf dan isu dan permasalahan yang dihadapi oleh mereka ditangani dengan cara yang menjurus kepada belia (Saifuddin, 2008). Keaktifan belia berpolitik dalam pilihan raya dapat dikesan melalui caragaya mereka terlibat dalam berkempen, kehairahan menzahirkan sokongan serta agresifnya mereka menggerakkan jentera parti politik. Trend pengundian belia dikatakan amat signifikan dalam membantu kemenangan sesebuah parti politik, namun fitrah belia yang inginkan *idealisme* mereka diketengahkan menjadikan pengundian kelompok ini menjurus kepada sokongan kepada pihak kiri.

Mohd Fuad et al. (2012) & Viknesh et al. (2012) mendapati kebanyakan belia India IPTA masih menyokong BN, namun mereka mahukan isu-isu penting dalam masyarakat India iaitu isu pendidikan di sekolah Tamil, pemberian biasiswa, isu kuota, isu agama dan isu sosioekonomi diselesaikan oleh kepimpinan MIC sebaiknya. Mereka juga melayari laman web untuk mendapatkan maklumat politik terkini dan memilih calon yang mempunyai karisma atau ketokohan, kelayakan akademik yang tinggi dan calon muda serta parti politik yang memperjuangkan isu kemanusiaan seperti ketelusan, keadilan, hak asasi manusia, anti rasuah; memperjuangkan isu alam sekitar. Majoriti belia India IPTA akan memilih MIC dan BN sebagai parti politik mereka dalam PRU ke-13 jika parti tersebut lebih proaktif dalam menangani isu yang dihadapi oleh masyarakat India di Malaysia.

Belia India IPTA juga menyatakan hanya MIC yang dapat memperjuangkan hak kaum India dan mereka juga menjangkakan BN akan terus menang dalam PRU akan datang.

Junaidi et al. (2012) dalam kajian politik belia di kawasan terpilih seluruh Malaysia mendapati bahawa 18.0 peratus belia menyatakan mereka memilih calon yang jujur dan amanah sebagai wakil mereka. Parti yang memperjuangkan isu kemanusiaan (ketelusan, keadilan, hak asasi manusia dan anti rasuah) menjadi pilihan utama mereka dan berpendapat parti politik tidak boleh menyentuh isu peribadi semasa berkempen. Hasil kajian dalam aspek pendapat politik belia pula menunjukkan bahawa 71.0 peratus di kalangan mereka (belia) menyokong peranan kerajaan dalam memantapkan agenda pembangunan belia negara dan 66.1 peratus menyatakan gagasan “1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” disokong, dihayati dan dimanifestasikan oleh belia. Dari aspek pentadbiran awam pula, 82.3 peratus responden menyatakan Indeks Petunjuk Prestasi (KPI) untuk wakil rakyat dan Menteri adalah baik dan mempengaruhi sokongan rakyat terhadap kerajaan dan pembaharuan yang dilakukan oleh kepimpinan Perdana Menteri dalam menerajui pembangunan negara terus mendapat sokongan belia (73.9 peratus) dan 74.2 peratus responden menyatakan bahawa kepimpinan negara perlu dikekalkan kerana telah menunjukkan prestasi yang amat baik. Merujuk kepada parti politik yang akan diundi pada pilihan raya umum akan datang, 67.8 peratus responden menyatakan akan mengundi BN berdasarkan transformasi dan pembaharuan yang telah diperkenalkan oleh Perdana Menteri.

Mohd Fuad et al. (2013) mendapati perkembangan politik kampus dipengaruhi oleh gerakan mahasiswa yang menuntut kebebasan bersuara dan juga perjuangan untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat di luar melalui siri-siri demonstrasi,


aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan juga penyerahan memorandum kepada pihak yang berkenaan. Seterusnya sejarah keputusan pemilihan MPPUKM memperlihatkan penguasaan tampuk pemerintahan PMUKM yang bersilih ganti oleh kumpulan dua pelajar dan ini menunjukkan politik kampus di UKM amat dinamik dan matang dalam menentukan halatuju kepimpinan dan idealisme perjuangan mahasiswa di universiti yang mempunyai kronologi politik kampus yang menarik tersebut.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Sumber Maklumat

Sumber maklumat yang sering digunakan rakyat Malaysia amnya, serta mahasiswa khususnya, kebiasaannya adalah sumber maklumat sekunder iaitu sama ada media cetak atau media elektronik seperti akhbar, internet, majalah serta siaran televisyen. Identiti penting bagi media yang bertanggungjawab adalah memainkan peranan yang tidak berat sebelah dalam melaporkan sesuatu perkara tanpa berlebih-lebihan untuk menarik perhatian orang ramai yang mudah tertipu dengan tujuan untuk membuat keuntungan. Media boleh mendidik orang ramai untuk membentuk pendapat mereka sendiri dalam hal-hal yang berkait dengan kepentingan awam sekiranya mereka menjalankan peranan mereka dengan jujur. Media boleh menonjolkan kekurangan jentera kerajaan dalam menjalankan fungsinya, selain melaporkan maklumat mengenai kesusahan rakyat untuk diberikan bantuan. Media yang demokrasi adalah alat yang berkesan untuk meninjau pendapat awam menjelang pilihan raya.

RAJAH 1. Peratusan responden bagi sumber maklumat politik




(Sumber : Soal Selidik, April 2012)

Rajah 1 menunjukkan peratusan sumber maklumat politik yang dirujuk oleh mahasiswa. Hasil daripada soal selidik yang dijalankan menunjukkan bahawa sumber maklumat politik yang sering menjadi pilihan sekaligus menunjukkan peratusan yang tertinggi adalah internet dan laman blog iaitu sebanyak 86 peratus. Kemudahan internet yang disediakan oleh pihak universiti amat penting kepada mahasiswa untuk memudahkan mereka melayari internet serta mendapat maklumat politik. Mahasiswa lebih meminati untuk merujuk maklumat daripada internet kerana sumber maklumat tersebut lebih pelbagai, interaktif, cepat, informatif dan terkini.


Rajah 2 menunjukkan sumber politik yang paling dipercayai oleh responden. Hasil kajian mendapati sumber maklumat politik yang paling dipercayai sekaligus menunjukkan peratusan yang tertinggi adalah internet/blog iaitu sebanyak 64.5 peratus. Mereka mempercayai internet/blog kerana maklumat yang disampaikan adalah menyeluruh di samping bersifat interaktif iaitu boleh dibincang dan didebatkan secara terbuka, ilmiah dan rasional serta dapat dipastikan kesahihan dan kebenaran maklumat yang disampaikan oleh media alternatif tersebut.

RAJAH 2. Peratusan sumber maklumat politik yang paling dipercayai



(Sumber : Soal Selidik, April 2012)

RAJAH 3. Peratusan responden bagi sumber maklumat politik dari media cetak




(Sumber : Soal Selidik, April 2012)

Rajah 3 menunjukkan akhbar utama yang sering menjadi pilihan sebagai sumber maklumat politik mereka adalah akhbar Berita Harian iaitu 56 peratus. Ini diikuti dengan pilihan kedua mereka iaitu akhbar Utusan Malaysia dan seterusnya akhbar Sinar Harian dengan peratusan masing-masing sebanyak 45.5 peratus dan 44.5 peratus. Akhbar Harakah turut menjadi akhbar sumber maklumat politik utama responden iaitu sebanyak 42.5 peratus. Akhbar bahasa Cina dan bahasa Tamil turut mendapat pilihan sebagai sumber maklumat oleh responden berbangsa Cina dan India dengan masing-masing mencatatkan 10.5 peratus dan 1.5 peratus.


Rajah 4 menunjukkan media elektronik yang sering menjadi pilihan mereka adalah siaran televisyen swasta utama negara ialah TV3 iaitu 70.5 peratus. Peratusan kecil pula ialah siaran radio dan sistem pesanan ringkas (SMS) sebagai sumber maklumat mereka yang mana masing-masing hanya mencatatkan 16.5 peratus dan 3.5 peratus sahaja. Ini mungkin disebabkan kedua-dua media/sumber maklumat tersebut kurang diaplikasikan dalam kehidupan seharian sebagai mahasiswa. Siaran televisyen swasta lain yang telah disenaraikan oleh para responden adalah siaran TV1 dan TV2. Selain itu, siaran televisyen berbayar seperti ASTRO dan Bernama TV turut digunakan dalam menyebarkan maklumat politik terkini.

RAJAH 4. Peratusan responden bagi sumber maklumat politik dari media elektronik



(Sumber : Soal Selidik, April 2012)

RAJAH 5. Peratusan jumlah responden mengikut sumber maklumat dari laman sosial



(Sumber : Soal Selidik, April 2012)

Rajah 5 menunjukkan bahawa laman sosial turut tidak ketinggalan dalam menjadi sumber rujukan bagi mendapatkan maklumat politik. Laman sosial seperti *Tagged*, *Facebook*, *Yahoo Messenger*, *Twitter* serta laman-laman forum bebas kerap digunakan oleh responden, terutamanya golongan muda yang celik dan cekap teknologi maklumat (IT). Sebanyak 96 peratus responden memiliki akaun facebook sendiri serta mendapatkan maklumat politik perkongsian dengan rakan-rakan dalam laman sosial tersebut seterusnya merupakan peratusan tertinggi bagi sumber maklumat politik dari laman sosial. *Facebook* memiliki daya tarikan yang tersendiri kerana mampu menyebarkan maklumat yang lebih pantas ke serata dunia berbanding *Twitter* atau *Yahoo Messenger*. *Tagged* dan forum bebas kurang mendapat tempat dalam kalangan responden, mungkin kerana cara penggunaannya yang lebih rumit dan menyusahkan. Melalui pembukaan akaun *facebook* oleh mahasiswa, mereka dapat berinteraksi dan memberi respon terhadap perbincangan mengenai sesuatu isu dengan memberi pandangan dan cadangan kepada sesuatu permasalahan yang dibincangkan.


Laman web yang sering menjadi rujukan dalam menambah pengetahuan responden dalam pengetahuan politik semasa adalah laman web *Berita Harian.com* dengan peratusan pelayar sebanyak 58.5 peratus (Rujuk Jadual 1), manakala laman web yang tidak dikunjungi adalah *KL Today*. Walaupun begitu, terdapat responden yang melayari laman web politik selain daripada yang dinyatakan, antaranya termasuklah *AmenoWorld.com* dan channel *NewsAsia.com*. Mahasiswa melayari laman web politik dengan tujuan untuk mengetahui isu politik semasa yang menarik semenjak pemecatan Dato' Seri Anwar Ibrahim pada 1998 hinggalah kepada senario politik yang lebih rumit pada zaman pemerintahan negara dibawah kepemimpinan Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak pada masa kini. Mereka mempunyai perasaan ingin tahu terhadap intipati sesuatu isu politik dengan mengakses pelbagai blog atau laman web serta *facebook* yang berkaitan isu-isu politik dan ada diantara mereka memberi respon sama ada positif ataupun negatif terhadap sesuatu isu politik yang dibincangkan.

JADUAL 1. Peratusan responden bagi laman web yang dilayari

Laman web maklumat politik	Ya (%)	Laman web maklumat politik	Ya (%)
Bharian.com	58.5	Utara Online	6.5
Malaysiakini.com	50.0	BBC	6.5
Utusan.com	49.5	Gerakan anti pkr	6.0
Harakahdaily	36.5	Roket Kini	5.5
Sinar Harian	29.5	Anak Sungai Derhaka	5.0
Suara keadilan.com	21.5	Minda Rakyat	4.0
Bernama	13.5	Pisau.net	4.0
Malaysian today	13.0	CNN	4.0
The Malaysian insider	12.5	Kickdafella	3.5
Selangor Kini	11.5	Merdeka Review	3.0
Al-Jazeera	9.0	Umno online	3.0
New Straits Times	8.5	Selatan Online	2.5
Mstar online	8.0	Detik daily	2.0
Tranungkite	7.5	MSO Melayu	2.0
Papagomo	7.5	KLPost	1.5
Pas.org	7.0	Paneh Miang@	1.0
Agenda daily	7.0	KL Today	0.0
Kedahlani	7.0		

(Sumber : Soal Selidik, April 2012)

RAJAH 6. Peratusan jenis maklumat yang diakses daripada internet selain dari politik



(Sumber : Soal Selidik, April 2012)

Sebanyak 89.0 peratus responden memilih untuk melayari laman sosial sebagai jenis maklumat yang diakses selain politik manakala sebanyak 87.5 peratus melayari internet untuk mendapat maklumat tentang pendidikan dan akademik (Rujuk Rajah 6). Sebagai pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), responden menggunkan internet untuk mencari bahan berunsur ilmiah selain menjadikan laman sosial seperti *facebook* dan *twitter* untuk menghilangkan

tekanan setelah seharian menelaah pelajaran dan menyiapkan tugas akademik. Maklumat yang paling kurang diakses adalah berkaitan perniagaan sebanyak 20.5 peratus dan ekonomi sebanyak 21.0 peratus. Kini, mahasiswa menjadikan internet sebagai medium pencarian maklumat yang penting kerana maklumat yang disampaikan lebih informatif, terkini dan dapat dibandingkan atau dibuat penilaian dengan lebih meluas dan pelbagai.

JADUAL 2. Peratusan tujuan penggunaan internet

Tujuan penggunaan internet	Ya (%)	Tujuan penggunaan internet	Ya (%)
Untuk mencari maklumat	99.5	Untuk memohon pendapat rakan internet	6.5
Mengikuti berita semasa	86.5	Mengikuti email politik	6.5
Untuk menyampaikan maklumat (email)	58.5	Bermain permainan interaktif (game)	6.0
Untuk berhibur	57.5	Untuk meluaskan networking/rangkaian	5.5
Melihat website	45.5	Untuk mencari pasangan hidup	5.0
Download muzik dan filem	45.0	Untuk berkongsi pengalaman	4.0
Blogging/perbincangan berkumpulan	42.0	Chatting dgn kawan dan orang yang tidak dikenali	4.0
Untuk meluahkan perasaan	38.0	Untuk berurusan dengan pihak Kerajaan	4.0
Untuk mempunyai laman web peribadi	36.5	Untuk menyampaikan maklumat (email)	3.5
Untuk membeli belah secara online	36.0	Untuk mengiklankan barangan/perkhidmatan	3.0
Untuk menambahkan pengetahuan/ilmu	35.5	Untuk menambahkan pendapatan	3.0
Untuk mencari kawan	34.5		

(Sumber : Soal Selidik, April 2012)

Tujuan utama responden menggunakan internet adalah untuk mencari maklumat dengan kadar peratusan sebanyak 99.5 peratus manakala sebanyak 86.5 peratus untuk mengikuti berita semasa (Rujuk Jadual 2). Sebagai mahasiswa, responden mempunyai pelbagai tugas dan melayari internet untuk mencari maklumat selain mengikuti perkembangan semasa supaya dapat menjadi mahasiswa yang berkaliber. Mereka melayari internet untuk mencari maklumat di samping sebagai

'*eskapisme*' atau pelarian kepada ketegangan dan kepenatan menelaah ilmu di kampus melalui laman sosial seperti *facebook*, *twitter* dan *yahoo messenger*. Oleh sebab itu, tujuan mereka mengakses internet adalah pelbagai seterusnya memberi pendedahan kepada mereka terhadap kevariasian maklumat dalam media alternatif yang juga disebut media 'dunia tanpa sempadan' tersebut.

JADUAL 3. Peratusan persetujuan responden terhadap penggunaan internet

Pernyataan	Setuju (%)
Penggunaan internet penting bagi pencarian maklumat	99.5
Penggunaan internet memudahkan urusan	95.0
Penggunaan internet mewujudkan individu yang berfikiran terbuka	93.5
Penggunaan internet mencetuskan individu yang kreatif	91.0
Penggunaan internet menghasilkan individu yang berdaya saing	91.0
Penggunaan internet dapat menghasilkan pencarian maklumat secara pantas dan tepat	91.0
Penggunaan internet dapat memperluaskan ruang demokrasi/hak untuk bersuara	90.0
Penggunaan internet mewujudkan individu yang menggunakan pendekatan berbincang untuk mengatasi sesuatu permasalahan	89.5
Penggunaan internet mewujudkan individu yang berfikiran kritikal/dinamik/boleh berhujah	89.0
Keluasan maklumat dalam internet membolehkan individu dapat menilai kebenaran sesuatu perkara/isu	85.0
Penggunaan internet dan laman sosial memberikan kesan positif kepada pemikiran politik mahasiswa	83.5
Kerajaan perlu mengenakan tindakan undang-undang yang tegas terhadap pihak yang menyalahgunakan teknologi komunikasi maklumat untuk mencetuskan ketidakstabilan sosial, ekonomi dan politik	83.0
Penggunaan internet dapat mematangkan fikiran dan tindakan individu	81.0
Penggunaan internet menyebabkan individu menjadi leka dan asyik dengan hiburan (budaya hedonisme)	77.5
Kerajaan perlu menyekat laman web yang berunsur menghasut	77.5
Penggunaan internet menyebabkan individu menjadi malas	69.2
Pihak Pakatan Rakyat (PKR, PAS dan DAP) lebih terkehadapan berbanding BN dalam memanfaatkan teknologi maklumat/internet seperti blog, face book dan sebagainya dalam menyampaikan maklumat politik kepada pelayar laman sesawang	68.5
Maklumat daripada internet boleh dipercayai	56.0

(Sumber : Soal Selidik, April 2012)

Dapatan kajian ini menunjukkan 99.5 peratus responden menyatakan penggunaan internet adalah penting bagi pencarian sesuatu maklumat dan 95.0 responden bersetuju bahawa penggunaan internet memudahkan pelaksanaan sesuatu urusan (Rujuk Jadual 3). Selaras dengan dunia tanpa sempadan, internet mempunyai peranan yang penting kepada seluruh penghuni dunia kerana segala maklumat dapat diperolehi hanya di hujung jari sahaja. Walau bagaimanapun, terdapat juga responden yang bersetuju dengan pernyataan bahawa maklumat daripada internet boleh dipercayai dengan kadar peratusan sebanyak 56.0 peratus responden. Hal ini sememangnya diakui kerana sesetengah maklumat daripada internet tidak mempunyai sumber yang sahih, bersifat provokatif, khabar angin dan spekulasi.

PENDAPAT POLITIK

Penglibatan mahasiswa dengan politik kepartian di kampus hanyalah satu wacana untuk mereka mengasah bakat kepimpinan, menjadikan mereka lebih matang dan dapat melahirkan peribadi yang tinggi di dalam jiwa mereka. Jika dilihat apa yang berlaku dalam dunia politik tanah air yang sebenarnya, ramai di antara ahli politik negara dan pemimpin-pemimpin kita lahir daripada gerakan politik kampus. Mereka ini telah terdedah kepada pengalaman kepimpinan selama mereka berada di alam kampus. Pengalaman inilah yang telah membentuk jati diri tokoh-tokoh ini untuk menjadi wakil suara rakyat. Tetapi ada juga di antara mereka yang menyokong aspirasi negara dan ada juga yang menjadi pembangkang. Walau bagaimanapun politik kampus merupakan satu daripada saluran pelajar untuk menonjolkan siapakah mereka yang sebenarnya sebagai generasi pewaris negara.

JADUAL 4. Peratusan responden bagi pandangan terhadap politik dan isu semasa

Pernyataan	Setuju (%)
“1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” disokong, dihayati dan dimanifestasikan oleh pengundi	99.5
Transformasi/ pembaharuan yang dilakukan oleh kepimpinan Perdana Menteri dalam menerajui pembangunan Negara terus mendapat sokongan pengundi	95.0
Bantuan BR1M (RM 500) mendapat sokongan padu rakyat terhadap Kerajaan Persekutuan	93.5
Mahasiswa perlu diberi peluang untuk menceburi politik nasional ketika di alam kampus	91.0
Bantuan Buku 1 Malaysia (BB1M) (Baucer RM 200) dapat memberi manfaat kepada pelajar seterusnya mengukuhkan sokongan kepada Kerajaan Pusat	91.0
Maklumat dari internet/blog/facebook mempengaruhi kecenderungan politik saya	91.0
Saya berpuashati dengan pembangunan di kawasan tempat tinggal saya	90.0
Kepimpinan ADUN kawasan saya perlu dikekalkan kerana telah menunjukkan prestasi yang amat baik	89.5
Kepimpinan Ahli Parlimen kawasan saya perlu dikekalkan kerana telah menunjukkan prestasi yang amat baik	89.0
Saya berpuashati dengan prestasi kerajaan negeri saya	85.0
Ahli DUN di kawasan saya telah memberi perkhidmatan amat berkesan	83.5
Ahli Parlimen di kawasan saya telah memberi perkhidmatan amat berkesan	83.0
Kerajaan negeri kurang prihatin terhadap isu-isu yang melibatkan agama Islam	81.0
Pergeseran dalaman Pakatan Rakyat mempengaruhi sokongan undi saya	77.5

(Sumber : Soal Selidik, April 2012)

Jadual 4 menunjukkan pandangan mahasiswa terhadap politik dan isu semasa di peringkat nasional, kampus dan juga di negeri masing-masing. Konsep 1 Malaysia dengan slogan ‘Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan’ disokong, dihayati dan dimanifestasikan oleh pengundi mendapat persetujuan paling tinggi iaitu 93 peratus (30.9 peratus). Sokongan yang tinggi disebabkan oleh konsep 1 Malaysia yang diilhamkan oleh Perdana Menteri, Dato’ Seri Najib Tun Abdul Razak yang bertujuan untuk menyatupadukan rakyat Malaysia yang berbilang bangsa dan agama serta mendahulukan rakyat telah menarik minat pengundi.

‘Transformasi’ atau pembaharuan yang dilakukan oleh kepimpinan Perdana Menteri dalam menerajui pembangunan negara terus mendapat sokongan mahasiswa dengan 88 peratus. Seperti yang kita sedia maklum, dalam menghadapi perubahan kehidupan pada abad ini memerlukan pelbagai penambahbaikan dan perubahan selaras dengan peredaran zaman untuk mengelakkan daripada ketinggalan dengan negara-negara lain. Oleh itu transformasi yang dilaksanakan oleh Perdana Menteri dari segi pembangunan, ekonomi, sosial dan politik secara tidak langsung telah mempengaruhi sokongan pengundi terhadap pembangunan negara dan Kerajaan Persekutuan.

Mahasiswa bersetuju dengan bantuan BR1M yang berjumlah RM500 (83 peratus) kerana bantuan tersebut mendapat sambutan yang menggalakkan daripada rakyat kerana dengan bantuan ini sebenarnya

sedikit sebanyak mampu mengurangkan kos kehidupan seharian yang semakin meningkat. Mereka juga menyokong Bantuan Buku 1 Malaysia (BB1M) (Baucer RM 200) kerana bantuan tersebut dapat memberi manfaat kepada pelajar untuk memperolehi buku-buku rujukan yang bersesuaian dengan bidang dan keperluan mereka seterusnya mengukuhkan sokongan kepada Kerajaan Pusat.

Seterusnya, 81 peratus bersetuju dengan kenyataan mahasiswa perlu diberi peluang untuk menceburi politik nasional ketika di alam kampus. Mahasiswa merupakan satu kelompok yang sangat berpengaruh. Suara-suara mereka menjadi tumpuan masyarakat kampus mahupun masyarakat luar kerana mereka ini membawa pelbagai idea dan juga inovasi yang bagus dari sudut persoalan ekonomi, politik, sosial dan kadangkala suara mereka ini bertentangan dengan ideologi kerajaan dan juga segelintir pihak-pihak lain. Perkara ini dapat menimbulkan perbalahan dan turut meninggalkan kesan terhadap pihak-pihak yang tertentu. Stail berpolitik mahasiswa dahulu dan sekarang mempunyai banyak perbezaan. Jika dilihat mahasiswa zaman 1960an dan 1970an, mereka sangat agresif dalam memperjuangkan isu-isu yang mengganggu sensitiviti dan hak mereka. Kegiatan berpolitik juga bebas dan tidak disekat oleh mana-mana pihak. Sehingga kegiatan mereka dilihat melampaui batas, AUKU telah diwujudkan untuk menyekat gerakan-gerakan mahasiswa yang radikal ini. Mahasiswa-mahasiswa selepas wujudnya AUKU dilihat sangat

lemah dan mereka terikat dengan pelbagai syarat yang ditetapkan oleh kerajaan. Mahasiswa pada hari ini masih lagi mengamalkan politik kampus tetapi dengan cara yang lebih berhemat dan dipantau ketat oleh pihak pentadbiran universiti. Sungguhpun begitu, AUKU bukanlah alasan kepada terbantutnya gerakan politik kampus. Politik kampus ini tidak lebih daripada satu tapak permulaan kepada mahasiswa untuk mendapat pengetahuan dalam berorganisasi. Pengalaman yang mereka perolehi inilah yang akan digunakan apabila mereka melangkah ke dunia luar yang lebih mencabar.

KESIMPULAN

Mahasiswa merupakan satu golongan yang sangat istimewa. Gelaran mahasiswa akan diperolehi jika mereka berjaya melangkah kaki ke menara gading. Tempat yang dikhususkan untuk mahasiswa juga merupakan satu tempat yang dipandang tinggi oleh masyarakat iaitu universiti. Mahasiswa merupakan mereka yang terpilih dan di bahu mereka mendukung cita-cita dan aspirasi kerajaan. Sebagai belia yang berilmu, mereka akan menjadi pemimpin serta menerajui negara pada suatu hari nanti. Bakat kepimpinan mereka dapat diasah melalui kegiatan dan gerakan mereka dalam berpolitik dan berpersatuan. Penglibatan para mahasiswa di dalam kegiatan bercorak politik sering menjadi perhatian dan kritikan pelbagai pihak. Walau bagaimanapun penyertaan mereka secara aktif di dalam kegiatan politik bukanlah sesuatu yang menghairankan. Ini adalah kerana universiti itu sendiri adalah alam politik yang terdiri daripada para pentadbir, pensyarah dan mahasiswa. Pengaruh internet dan media sosial sebenarnya memainkan peranan penting dalam mempengaruhi perlakuan politik mahasiswa. Seiring dengan perubahan zaman ini, teknologi maklumat memainkan peranan yang sangat politik kepada perlakuan politik setiap individu. Pihak kerajaan dapat mengawal mahasiswa dari berpolitik tetapi mereka sudah pasti tidak dapat mengawal pemikiran politik mahasiswa. Mahasiswa sekarang sudah boleh mendapatkan input atau maklumat ini dari media alternatif seperti internet dan SMS dengan mudah. Apa yang paling penting adalah mereka perlu bijak dalam berfikir dan menentukan yang baik dan buruk serta memastikan perlakuan politik ini tidak menjejaskan pelajaran mereka.

RUJUKAN

- Aie, R. L. 1997. Exploration of the sources of student activism: The case of South Korea. *International Journal of Public Opinion Research*. 9(1): 48-65.
- Alam, G.M. 2003. The impact of students' involvement in party politics on higher education in national development in Bangladesh. Missouri, USA: The International University Press.
- Alam, G.H., Rabby, T.G., Boon, T.I., Khan, I. And Hoque, K.E. 2011. National development and student politics in Bangladesh. *African Journal of Business Management*. 5(15): 6044-6057.
- Altbach, P.G. 1968. *Students politics in Bombay*. London: Asia Publishing House.
- Azizan Bahari. 1995. *Pergerakan belia: Persoalan dan cabaran*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar.
- Baranowski, M., Weir, K. 2010. Power and politics in the classroom: The effect of student roles in simulations. *Journal of Political Science Education*. 6(3): 217-226.
- Dunsmore K, Lagos TG. 2008. Politics, media and youth: Understanding political socialization via video production in secondary schools. *Learning, Media and Technology*. 33(1): 1-10.
- Frank, E., Carrera, J., Dharamsi, S. 2007. Political self-characterization of U.S. medical students. *Journal of General Internal Medicine*. 22(4): 514-517.
- Junaidi Abu Bakar. 1993. *Mahasiswa, politik dan undang-undang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Yahaya Ibrahim, Khaidzir Hj. Ismail, Abdul Halim Sidek & Noor Aziah Hj. Mohd Awal. 2012. Persepsi belia terhadap isu politik dan dasar Kerajaan Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies*. 7(12): 136-156.
- Mohd Fuad Mat Jali, Rashila Ramli, Mohd Yusof Kassim, 2005. *Minat, Aspirasi dan Pilihan Politik Belia IPT Malaysia dlm Rohany Nasir, Hazita Azman, Ruzy Suliza Hashim, Mohd Yusof Hj. Abdullah & Rozmi Ismail (Pnyt.)*. Prosiding Seminar Penyelidikan Pembangunan Generasi Muda: Realiti Generasi Muda Melangkah Ke Hadapan. Universiti Kebangsaan Malaysia: Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan.
- Mohd Fuad Mat Jali, Yahaya Ibrahim, Noor Aziah Mohd Awal, Abdul Halim Sidek & Khaidzir Ismail. 2009. *Minat, Aspirasi dan Sokongan Politik Belia IPT Malaysia*. *Malaysian Journal of Youth Studies*. 1(6): 99-116.
- Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar, Novel Lyndon, Viknesh a/l Ramachandran. 2012

- Persepsi politik belia India di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Malaysia. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space*. 8(8): 1-11.
- Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar & Mazlan Ali. 2013. Politik kampus: kajian kes Di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor. Dlm. Nasir Nayan, Mohamad Suhaily Yusri Che Ngah, Yazid Saleh, Mohmadisa Hashim, Kamarul Ismail, Zainudin Othman, Mazdi Marzuki, Hamirdin Ithnin, Fauziah Che Leh, Mohd Faris Dziauddin, Mohd Hairiy Ibrahim & Zuriatunfadzaliah Sahdan (Pnyt.), *Prosiding Persidangan Kebangsaan Geografi dan Alam Sekitar Kali Ke 4*. Tanjong Malim, Perak: Jabatan Geografi dan Alam Sekitar, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris. 5-6 Mac.
- Mohd. Shuhaimi al-Maniri. 1995. Di sebalik tabir politik kampus. Kuala Lumpur : Pustaka Generasi Baru.
- Mondak, J.J., Halperin, K.D. 2008. A framework for the study of personality and political behaviour. *British Journal of Political Science*. 38(2): 335-362.
- Muhammad Abu Bakar. 1973. Mahasiswa Menggugat. Kuala Lumpur: Penerbit Pustaka Antara.
- Ng Poi Ling. 2003. Tahap Kesedaran Politik Mahasiswa. Satu kajian kes di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Universiti Kebangsaan Malaysia. Latihan Ilmiah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (tidak diterbitkan).
- Ramírez, L.G., Martínez, J.C., Sánchez, F.A. 2010. Politics and youth in university life: A case study [Política y juventud en la vida universitaria: Un estudio de caso]. *Utopia y Praxis Latinoamericana*. 15(50): 71-90.
- Riduan Mohamad Nor. 2007. Potret perjuangan mahasiswa dalam cerminan dekad. Kuala Lumpur: Jundi Resources.
- Riduan Mohamad Nor. 2012. Sejarah gerakan mahasiswa dalam cerminan dekad. Kuala Lumpur: Jundi Resources.
- Ruitenber, C.W. 2010. Queer politics in schools: A Rancièrean reading. *Educational Philosophy and Theory*. 42(5-6): 618-634.
- Saha, L.J., Print, M. 2010. Student school elections and political engagement: A cradle of democracy?. *International Journal of Educational Research*. 49(1): 22-32.
- Saifuddin Abdullah. 2008. Politik baru memamatkan demokrasi Malaysia. Kuala Lumpur : Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Viknesh a/l Ramachandran, Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar & Mohd Jalaludin Hashim. 2012. Politik Belia India Di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). *International Conference On Social Sciences And Humanities (ICOSH) 2012*. Anjuran dan tempat: Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor. 12-13 Disember.
- Zaman, Q., Atif, M., Shah, H., Ayub, G., Farooq, M. 2010. Key Factors which Cause the Anxiety among the University Students: A Case Study Based on an Event Happened in Peshawar Campus. *European Journal of Social Sciences*. 16(1): 87-96.
- Zeilig, L. 2008. Student politics and activism in Zimbabwe: The frustrated transition. *Journal of Asian and African Studies*. 43(2): 215-237.
- Junaidi Awang Besar (Encik)
Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan & Persekitaran
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor. Malaysia
E-mel: jab@ukm.my / junaididee@yahoo.com
- Mohd Fuad Mat Jali (Prof. Madya Dr.)
Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan & Persekitaran
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor. Malaysia
E-mel: fuad@ukm.my
- Novel Lyndon (Dr.)
Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan & Persekitaran
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor. Malaysia
E-mel: novel@ukm.my
- Mazlan Ali (Dr.)
Sekolah Perdana Polisi Sains, Teknologi dan Inovasi,
(UTM PERDANA School),
UTM Kampus Antarabangsa,
Universiti Teknologi Malaysia,
54100 Kuala Lumpur
E-mel: lant@ic.utm.my